



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah

KENYATAAN SEBUT HARGA (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)



1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan perkhidmatan berikut:

CADANGAN PERKHIDMATAN PENYELENGARAAN DAN KHIDMAT SOKONGAN SISTEM PEMANTAUAN PENGURUSAN ASET (SPA) DAN SISTEM PENGURUSAN STOR (SPS) UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN BAGI SESI 2025 SEHINGGA 2027.

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP
086/2025/0050	210104	14/8/2025 (khamis) Hingga 21/8/2025 (Khamis)	18/08/2025 (Isnin) 10.00 pagi Bilik Mesyuarat Pengurusan, Tingkat 17, Ibu Pejabat MARA, 21, Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur	RM5.00	28/08/2025 (Rabu) (Sebelum 12.00 tengahari)

****SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT SEMASA MENGHADIRI SESI TAKLIMAT SEBUT HARGA****

2. Syarikat hendaklah mengemukakan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen.
3. Satu (1) salinan fotostat **Sijil Asal** bagi dokumen di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** semasa hendak membeli dokumen. **MARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **MARA** tidak layak.
4. Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat secara **DRAF BANK / KAD DEBIT** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)** atau melalui <https://bayar.maraeps.my>. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) Syarikat hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga dan mengemukakan (1) tawaran sebut harga sahaja.
5. Dokumen sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 1.00 petang / 2.00 hingga 4.30 petang) pada hari Isnin hingga Khamis dan (8.30 pagi - 12.15 tengah hari / 2.45 hingga 4.30 petang) pada hari Jumaat di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas daripada tarikh akhir tempoh penjualan dokumen ini.
6. Sekiranya pembelian dokumen dibuat melalui **MARAEPS**, dokumen sebut harga hendaklah segera diambil dalam tempoh penjualan dokumen yang ditetapkan. Kegagalan pengambilan dokumen sehingga tarikh akhir penjualan tidak akan dilayan. Kegagalan penyebutharga mematuhi syarat ini maka wang pembelian dokumen yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
7. Syarikat yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebut harga seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat sebut harga dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan menghadiri taklimat sebut harga dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan taklimat sebut harga tidak ditandatangani oleh Wakil Pegawai Penguasa / Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat sebut harga.
8. Semua kos yang terlibat dengan tawaran sebut harga di atas adalah menjadi tanggungjawab syarikat masing-masing.

9. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
10. Sekiranya syarikat memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, syarikat hendaklah memastikan dokumen sebut harga yang lengkap selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup. Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebut harga** dan **Tajuk Perkhidmatan** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender yang berkaitan** seperti alamat berikut :-

**PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR**

(Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengahari)

11. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga serta **tidak memasukkan dokumen sebut harga mengikut peti sebut harga yang telah ditetapkan akan ditolak**. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
12. Syarikat hendaklah memastikan dokumen sebut harga tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar /kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
13. Sebarang urusan sebut harga perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.